

02/05/2000

Majikan wajar contohi sistem gaji hotel

KUALA LUMPUR, Isnin - Majikan boleh mencontohi sistem pembayaran gaji dan caj perkhidmatan seperti yang diamalkan kebanyakan hotel di negara ini untuk disesuaikan dengan pemberian gaji syarikat berbanding menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,200 sebulan.

Sistem yang diamalkan hotel memberi pembayaran gaji pokok rendah tetapi pekerja diberi elaun dan bonus bergantung kepada sistem mata yang ditetapkan mengikut jawatan setiap pekerja.

Pengiraan mata itu diberi berdasarkan keuntungan yang diperoleh hotel dalam sesuatu bulan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata sistem itu boleh dijadikan contoh kerana memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak, iaitu syarikat dan pekerja memandangkan pemberian elaun serta bonus bergantung kepada prestasi semasa hotel terbabit.

"Pengiraan mata itu akan berubah setiap bulan bergantung kepada prestasi hotel. Jika tinggi keuntungan yang diperoleh dalam sesuatu bulan itu, maka banyakkah bonus yang diperoleh dan jika berlaku sebaliknya, kurang pula bonus yang diberi.

"Umpamanya, seorang pelayan diberi gaji pokok RM400 dan bonus sebanyak dua mata. Jika syarikat untung dia mungkin diberi RM200 untuk satu markah. Apabila dicampur gaji, bonus dua markah (RM400) dan kerja lebih masa, sebulan gajinya mungkin mencapai RM1,000.

"Oleh itu, setiap pekerja perlu menyediakan perkhidmatan terbaik kerana mereka turut menyumbang kepada prestasi syarikat dan dengan cara ini, ia memberi motivasi kepada mereka sekali gus meningkatkan produktiviti," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri dalam perutusan Hari Pekerja, semalam, mengenai tuntutan menetapkan gaji minimum sebanyak RM1,200 sebulan sukar dilaksanakan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika tuntutan berkenaan dilaksanakan ia akan menaikkan gaji bagi semua lapisan pekerja termasuk eksekutif dan pengurusan syarikat.

(END)